

PERDAGANGAN DUA HALA DIMETERAI

Malaysia dan Vietnam tandatangani perjanjian

MALAYSIA dan Republik Sosialis Vietnam hari ini menandatangani Perjanjian Perdagangan bagi memudahkan lagi peraturan import eksport di antara kedua negara.

Dengan perjanjian itu kedua negara akan memberikan layanan keutamaan mengenai duti kastam dan formaliti lain bagi melicinkan perdagangan dua hala.

Malaysia mengumumkan satu senarai mengandungi 49 bahan eksportnya termasuk bijih timah, getah dan bahan-

bahan keluaran dari getah, kayu batak dan lain-lain lagi.

Sementara Vietnam pula mengemukakan satu senarai 29 bahan eksportnya termasuk bahan-bahan logam, kacang tanah, dan minyak kacang tanah, buah-buahan, rokok dan lain-lain yang akan diliputi oleh perjanjian tersebut.

Disaksi

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Timbalan Perda-

na Menteri merangkap Menteri Luar Vietnam

Enock Nguyen Duy Trinh bagi pihak kerajaannya. Upacara menandatangani perjanjian itu diadakan di Bilik Gerakan Negara di Jabatan Perdana Menteri di sini dengan diaksikan oleh kedua-dua Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Enock Abdul Mannan Othman dan Enock Liew Sip Hon, pegawai-pegawai dari Kementerian tersebut serta ahli-ahli rombongan dari Vietnam.

Berucapa selepas upacara tersebut Dato Seri Dr. Mahathir berkata dengan termetertinya

perjanjian tersebut adalah diharapkan hubungan dagangan antara kedua negara akan bertambah dan berkembang dengan pesatnya.

Setakat ini, katanya, jumlah perdagangan antara kedua negara adalah kecil, dalam tahun 1972 hanya berjumlah \$2.6 juta dan jumlah ini meningkat sedikit kepada \$3.6 juta dalam tahun 1976.

Beliau berharap perjanjian perdagangan ini, segai langkah awal, akan membuka peluang kepada kedua negara yang mungkin terdapat sekarang akan dapat diatasi.

Timbalan Perdana Menteri juga menjelaskan perdagangan luar memainkan peranan yang amat penting dalam usaha pembangunan negara ini.

Liberal

Katanya lebih dari 40 peratus dari jumlah pendapatan kasar negara diperolehi melalui hasil dagangan luar.

"Oleh itu Malaysia telah menyesuaikan sikap liberal di dalam perhubungan perdagangan dengan negara-negara luar tanpa mengambil kira sistem sosial, ekonomi dan politik negara-negara berkenaan."

"Sejajar dengan dasar yang liberal ini, Malaysia telah berupaya mempunyai pertalian perdagangan dengan semua negara di seluruh dunia," jelas beliau.

Berucap kepada para pemberita selepas upacara tersebut, Dato Seri Dr. Mahathir berkata perjanjian yang ditandatangani hari ini adalah serupa dengan perjanjian-perjanjian perdagangan yang ditandatangani dengan negara-negara yang lain.



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Enock Liew Sip Hon dan Enock Abdul Mannan Othman menandatangani perjanjian perdagangan antara Malaysia dan Republik Sosialis Vietnam di Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur semalam.

Inilah tujas rasmi yang pertama bagi Dato Seri Dr. Mahathir sejak beliau dari berkuatkuasanya dan setelah merombakan Kabinet di Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur semalam.

—Gambar Berita Harian.